**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA** **1223/2**
**PENDIDIKAN ISLAM**
**KERTAS 2**
**OGOS 2017**

---

PANDUAN PERATURAN PEMARKAHAN

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN
# SPM 2017
# PENDIDIKAN ISLAM

PEMERIKSA
**KERTAS DUA MODUL 2**

 *© 2017 Hak Cipta Terpelihara SPI SAbah* 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua amalan yang dianggap mempersendakan agama Islam ialah :<br>– Memperkecilkan tuntutan agama Islam<br>– Bangga apabila melanggar larangan Allah SWT<br>– Menghina orang yang bertakwa<br>– Menyanjung perbuatan maksiat.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua akibat mempermain dan mempersendakan agama ialah :<br>– Mendapat kemurkaan Allah SWT.<br>– Jiwa tidak tenteram.<br>– Menjatuhkan maruah umat Islam.<br>– Disisih oleh masyarakat.<br>– Dimasukkan ke dalam neraka.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua cara saya untuk membantu umat Islam menjadi umat yang kuat dan disegani berbanding umat yang lain ialah :<br><br>– Menghidupkan ajaran agama Islam (I) dalam diri, keluarga, masyarakat dan negara (H) .<br>– Menjaga kesucian agama Islam (I) dengan melaksanakan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya (H).<br>– Sentiasa mengamalkan ajaran agama Islam (I) seperti amal soleh dan berakhlak mulia antara sesama insan dan makhluk yang lain (H).<br>– Sentiasa berwaspada (I) daripada golongan yang cuba mempermainkan agama Islam (H).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima<br>Jawapan mesti ada menyebut agama.</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua kalimah yang bergaris dalam hadis ialah :<br><br>a. لاَتَنَاَجَشُوا - Jangan tipu menipu<br><br>b. لاَ تَدَاَبَرُوا - Jangan berpaling muka</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
</table>

 © 2017 Hak Cipta Terpelihara SPI SAbah 

(ii) **Dua** usaha yang boleh memupuk perpaduan di kalangan ahli masyarakat dalam komuniti ialah: — 2 isi x 2m = 4m

- Memupuk sifat kasih sayang di antara anggota masyarakat melalui amalan gotong royong.
- Mengamalkan sikap tolong menolong dan saling bekerjasama membuat kebaikan.
- Menghormati hak orang lain dengan menghormati maruah dan budaya mereka.
- Bertolak ansur dan perihatin dengan masalah jiran dan ahli masyarakat.
- Mengamalkan budaya ziarah menziarahi dan kunjung mengunjung antara ahli masyarakat.
- Memupuk sikap patriotik dan sayangkan negara .

(iii) Rubrik penskoran : — 4m

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menyatakan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan jawapan :**

Persaudaraan antara sesama orang Islam adalah perintah Allah SWT (I) yang akan mengeratkan lagi hubungan sesama umat Islam.(H) Ini disebabkan hubungan persaudaraan yang kukuh akan melahirkan amalan seperti berkasih sayang dan kerjasama dalam melaksanakan semua perintah Allah SWT yang akhirnya akan menyemai sifat positif ke arah perpaduan dikalangan umat Islam.(HL) Oleh itu hubungan ini perlu dipupuk secara berterusan untuk melahirkan masyarakat yang bersatupadu dan menjadi contoh kepada umat yang lain . ( K )

 *© 2017 Hak Cipta Terpelihara SPI SAbah* 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua ciri mukmin dalam ayat ialah :<br>– Solat dengan khusyuk<br>– Menjauhi perkara sia-sia<br>– Mengeluarkan zakat<br>– Menjaga kemaluan</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua faedah melaksanakan tuntutan tersebut ialah :<br>– Terhindar daripada melakukan kemungkaran<br>– Dihormati masyarakat<br>– Mengelakkan diri daripada lalai mengingati Allah SWT<br>– Dapat melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan<br>– Memajukan ekonomi umat Islam<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran :<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Memberikan isi secara ringkas.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Memberi isi dan huraian yang ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Memberi pendapat berserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Memberi kesimpulan berserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas.</td><td>4m</td></tr></table><br><u>Cadangan jawapan :</u><br>Menjaga solat dengan melaksanakan segala rukun dan syaratnya (I) kerana solat yang sempurna dan khusyuk membolehkan solat diterima oleh Allah (H). Sebagaimana Firman Allah yang bermaksud “Sesungguhnya solat itu dapat mencegah seseorang daripada melakukan kejahatan dan kemungkaran (HL) Kesimpulannya, kita hendaklah berusaha untuk mendapatkan solat yang berkualiti bagi membolehkan seseorang pelajar itu mengatur urusan hidup dengan sebaiknya (K).</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Perantau bermaksud:<br>- manusia dalam perjalanan menuju akhirat.<br>- dunia adalah hanya tempat persinggahan untuk menuju ke akhirat.<br>- dunia hanya sementara akhirat adalah kesudahannya</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
</table>

 © 2017 Hak Cipta Terpelihara SPI SAbah 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Dua** nasihat Rasulullah SAW dalam hadis ialah :<br>– Tidak melengah-lengahkan sesuatu kerja / isi masa lapang dengan perkara berfaedah.<br>– Gunakan peluang untuk beramal semasa sihat sebelum sakit.<br>– Gunakan peluang untuk beramal semasa hidup sebagai persediaan mati. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (iii) | **Dua** pengajaran daripada hadis di atas:<br>– Kita hendaklah dapat membahagikan masa dengan bijak (I) supaya kehidupan kita sentiasa terurus. (H)<br>– Kita hendaklah menyegerakan sesuatu urusan (I) agar hidup kita dipermudahkan oleh Allah SWT. (H)<br>– Kita hendaklah beramal ibadat kepada Allah SWT (I) agar mendapat keberkatan dalam kehidupan (H) | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (c) | (i)<br>(ii)<br>(iii)<br>(iv) | B<br>E<br>A<br>D | 4m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 3 | (a) | (i) | **Dua** bentuk perlindungan tersebut ialah :<br>– Tempat tinggal<br>– Keselamatan | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | Cara memberi perlindungan kepada orang bukan Islam yang berminat kepada Islam ialah dengan memberikan jaminan keselamatan kepada mereka daripada ancaman luar. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (iii) | **Dua** pengajaran dari ayat di atas ialah :<br>– Umat Islam wajib memberi perlindungan kepada orang bukan Islam (I) untuk menyampaikan ajaran Islam kepada mereka. (H)<br>– Kita wajib menggalakkan keamanan yang sedang dinikmati sekarang (I) agar kehidupan aman sejahtera (H)<br>– Umat Islam wajib menunjukkan teladan yang baik kepada orang bukan Islam (I) agar menarik minat mereka untuk mendalami Islam. (H)<br>– Kita mestilah memberi kemaafaan kepada orang lain (I) kerana ianya sikap yang sangat dituntut agama (H) | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (b) | (i) | Maksud Wali Allah dari segi istilah ialah manusia biasa yang beriman,bertakwa,beristiqamah melaksanakan perintah Allah dan menjauhi laranganNya (1m) sama ada dari segi zahir dan batin. (1m) | 2 isi x 1m<br>= 2m |

 *© 2017 Hak Cipta Terpelihara SPI SAbah* 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Dua** amalan nawafil untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT ialah :<br>– Memperbanyakkan solat sunat.<br>– Melazimi zikir dalam kehidupan.<br>– Selalu membaca al-Quran.<br>– Menjadikan sedekah sebagai amalan harian.<br><br>**Catatan :**<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (iii) | Rubrik penskoran : | 4 m |
| | (c) | | 2,3,4,1 | 4 m |

Rubrik penskoran (iii):

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menyatakan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan jawapan :**

Hujan saya ialah sebagai pemimpin dan Ulama seharusnya sehaluan dari segi akhlak yang mulia dan mempunyai ilmu yang tinggi (I) sebagai contoh hubungan baik yang berterusan kepada rakyat serta memantapkan hubungan dengan Allah SWT (H). Dengan itu masyarakat akan memandang pemimpin dan Ulama sebagai contoh ikutan terbaik maka akan lahirlah masyarakat yang berjaya (HL) Oleh itu, sebagai seorang muslim kita harus berusaha untuk menghayati ilmu demi mendapat darjat yang tinggi disisi Allah SWT dengan cara menghadiri seminar atau forum yang dianjurkan oleh pihak yang berwajib. (K)

 © 2017 Hak Cipta Terpelihara SPI SAbah 

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 4 | (a) | (i) | Allah SWT memberi gambaran gunung akan hancur apabila diturunkan al-Quran kepadanya kerana :<br>– Perumpamaan ini adalah supaya manusia berfikir tentang sejauh mana penghayatan mereka terhadap al-Quran.<br>– Gunung sangat takut kepada Allah SWT dan berasa berat untuk menanggung amanah yang terkandung di dalam al-Quran. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua** keistimewaan al-Quran ialah :<br>– Mukjizat agung kepada Rasulullah SAW<br>– Kandungan al-Quran melengkapi semua aspek kehidupan manusia.<br>– Ajarannya sesuai diamalkan oleh semua bangsa, tempat dan pada bila-bila masa.<br>– Terpelihara daripada sebarang perubahan dan penyelewengan sehingga hari kiamat.<br>– Tidak ada makhluk yang dapat menandingi keindahan bahasanya.<br>– Membimbing manusia menuju kebahagiaan dunia dan akhirat.<br>– Setiap huruf yang dibaca dikira ibadat dan diberi pahala. | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | **Dua** sebab al-Quran diturunkan kepada manusia :<br>– Membimbing manusia ke jalan kebenaran (I) agar tidak terpesong ke jalan kemaksiatan. (H)<br>– Menerangkan kepada umat Islam cara beribadat dengan betul (I) agar dapat melaksanakan ibadat dengan sempurna (H)<br>– Menyampaikan khabar tentang perkara ghaib (I) yang tidak boleh dicapai oleh akal fikiran manusia (H)<br>– Mengambil pengajaran daripada kisah umat terdahulu (I) supaya tidak melanggar perintah Allah SWT (H) | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (b) | (i) | B | 1m |
| | | (ii) | B | 1m |
| | | (iii) | A | 1m |
| | | (iv) | A | 1m |
| | (c) | | كاڬوڠن دان كڬميلڠن اومت إسلام اداله حاصيل درڤد ڤرجواڠن ڤجواڠ-ڤجواڠ تردهولو. اوليه ايت، كيت هندقله مڠحياتي دان منچونتوهي سماڠت اورڠ يڠ ممڤرجواڠكن إسلام سڤنجڠ زمان. | 6m<br><br>Catatan :<br>01-04 = 1m<br>05-08 = 2m<br>09-12 = 3m<br>13-16 = 4m<br>17-20 = 5m<br>21-24 = 6m |

 *© 2017 Hak Cipta Terpelihara SPI SAbah* 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Empat ciri orang yang beriman ialah :<br>– Sentiasa sujud kepada Allah SWT<br>– Sentiasa mengingati Allah SWT dengan berzikir kepadaNya.<br>– Tidak bersifat takbur.<br>– Sentiasa melazimi Qiamullail.<br>– Sentiasa menginfakkan harta untuk jalan Allah SWT.</td><td>4 isi x 1m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Maksud potongan ayat ialah sujud kepada Allah SWT (1m) kerana mengagungkanNya sebagai tanda patuh dan taat kepadaNya. (1m)</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua pengajaran daripada ayat di atas ialah :<br>– Kita hendaklah memperbanyakkan solat dan berzikir kepada Allah SWT (I) untuk melembutkan hati bagi menjadi mukmin yang soleh. (H)<br>– Kita hendaklah melazimi Qiamullail (I) kerana Allah SWT menjanjikan ganjaran yang besar kepada orang yang melakukannya (H)<br>– Kita hendaklah bersifat tawaduk (I) agar sentiasa merasai kekurangan diri berbanding kebesaran Allah SWT (H)<br>– Kita hendaklah menginfakkan harta pada jalan Allah SWT (I) sebagai tanda mensyukuri nikmat kurniaanNya (H)</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td><table>
<tr><td>(i)</td><td>☠←♑⬃☪✍👌◆❒</td><td>Jelas</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>⬉✌❑→✆♦③ ♊□👌</td><td>Dengung</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>◘⬧➲⑩⬿⬧←☺⬧✆<br>❧▫⇦✍❹✍⊞◷☒⌛⬂✆👓<br>👓✍📪</td><td>Dengung</td></tr>
</table></td><td>6 isi x 1m<br>= 6m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Pemerintahan Khulafa al-Rasyidin sentiasa menjaga kebajikan rakyat sama ada beragama Islam atau tidak beragama Islam.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Allah SWT mengurniakan akal kepada manusia supaya mereka menjadi makhluk yang istimewa berbanding makhluk yang lain.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Setiap orang yang beriman mesti berazam untuk berjaya dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Kita hendaklah berusaha untuk mendapatkan hidayah Allah SWT kerana manusia tidak berkuasa memberikannya.</td><td>1m</td></tr>
</table>

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

 *© 2017 Hak Cipta Terpelihara SPI SAbah* 